

1001 MASALAH

ABU AL-MUKHTAR SEDIA MENJAWAB



“Nazar Ke Kubur Tok Keramat”

A. Ramli bin Abdul Manan,

Bukit Mertajam bertanya:

Saya ingin tahu apa hukumnya seorang Islam pergi membayar nazar ke kubur tok wali atau tok keramat dengan membawa nasi pulut kuning dan panggang ayam dengan meminta kepada roh tok wali atau tok keramat yang telah mati itu, supaya malapetaka yang sedang menyimpannya dihindarkan?

Jawapannya

Nazar itu adalah satu amalan yang wajib ditunaikan oleh setiap orang yang bernazar; tetapi adakah nazar itu wajib ditunaikan oleh orang-orang yang bernazar itu? Keterangan lanjut berkenaan dengan erti nazar ini telah kita siarkan di dalam majalah Qalam bilangan 182 sewaktu kita menjawab pertanyaan dari A. Ahmad Bin Abdul Rahman, Thailand berkenaan dengan nazar maksiat, sila tuan lihat keterangan lanjutnya dalam majalah Qalam bilangan 182 itu!

Bagi masyarakat kita orang-orang Melayu bernazar adalah suatu perkara yang tidak boleh dipandang ringan, kerana ia ada perkaitannya dengan hukum adat dan hukum syarak. Di dalam masyarakat bangsa kita mahupun masyarakat itu daripada golongan kota yang telah hidup maju dan bertamadun, lebih-lebih lagi dalam masyarakat kampung, masyarakat desa yang jauh terpencil di tepi-tepi hutan, di lereng-lereng bukit, maka perkara bernazar ini memang sudah menjadi suatu adat kebiasaan kepada mereka.

Oleh itu tidaklah menjadi satu kehairanan kita jika keadaan nazar yang mereka lakukan sebagai nazar itu adakalanya berlawanan atau bertentangan dengan kehendak hukum syarak. Untuk menyesuaikan dengan soalan yang dikemukakan oleh A. Ramli di atas maka marilah kita XXX¹ satu contoh nazar yang biasa dilakukan oleh orang-orang, XXX² yang tinggal di kampung-kampung mahupun yang tinggal di kota besar, iaitu pergi membayar nazar ke makam tok keramat fulan atau ke kubur tok wali anu yang termahsyur di tempat atau di kampung masing-masing dengan mengadakan satu upacara khas menghidang pulut kuning dan panggang ayam sambil membawa pak-pak lebai untuk membacakan berbagai-bagai doa dengan maksud meminta berkat atau bermohon pertolongan dari arwah tok-tok keramat atau tok-tok wali yang telah berada di alam barzakh itu supaya anak mereka yang baharu dilahirkan itu dipanjangkan umurnya, hidupnya akan berbahagia di sepanjang masa dan sebagainya.

Membayar nazar dengan secara yang telah disebutkan di atas bukan sahaja orang-orang yang melakukan nazar itu terjerumus ke jurang membazir yang ditegah oleh Allah *Subhānahu wa Ta‘ālā* sebagaimana firman-Nya di dalam kitab suci al-Qur’ān: (*Inna almubadhahirīna kānū ikhwāna al-shayātīn*), malahan yang lebih berbahaya lagi kepada mereka itu ialah boleh meruntuhkan iman dan merosakkan iktikad (kepercayaan) terhadap Allah yang Maha Esa yang boleh membawakan mereka itu tergelincir dari landasan rukun iman, kerana meminta pertolongan kepada seseorang makhluk yang telah tidak mempunyai daya upaya dan memohon doa kepada selain dari Allah *al-Khāliq al-Makhlūq* adalah suatu perbuatan yang dilarang keras oleh Tuhan sebagaimana firman-Nya: (*Wa lā tad‘u min dūni Allāhi mā lā yānfu‘uka wa lā yaḍurruka fa in fa‘alta fa innaka idhan mina al-zālimīn*). Ertinya: “Janganlah engkau berdoa (meminta sesuatu pertolongan) selain daripada Allah yang tidak akan mendatangkan manfaat dan tidak pula memberi mudarat kepada engkau, sekiranya engkau memperbuatnya maka adalah engkau

¹ Teks asal tidak jelas.

² Teks asal tidak jelas.

termasuk di dalam golongan orang yang menzalimi akan dirinya sendiri.” Dan lagi firman-Nya: (*Wa alladhīna yad’ūna min dūnihī lā yastajībūna lahum bi shay’in illā ka bāsiṭi kaffayhi ilā al-ma’i li yablughā fāhu wa mā huwa bi bālighih*). Artinya: “Orang-orang yang berdoa kepada selain dari Allah tidak akan mendapat sesuatu manfaat kepada mereka, malahan samalah dengan keadaan yang merenggangkan anak-anak jarinya lantas dicelupkannya ke dalam air, kemudian diangkatnya ke mulutnya untuk diminum, tiadalah air itu akan sampai ke mulutnya.”

Lihatlah bagaimana halus dan tajamnya Tuhan menyindir hamba-hambanya yang meminta sesuatu pertolongan selain daripada-Nya, sehingga diibaratkan-Nya orang-orang itu menangguk air dengan tangan yang mana jari-jari tangannya itu direnggang-renggangkan pula, hasilnya air yang ditangguknya itu tidak dapat diminumnya. Tegasnya sesuatu perkara yang diminta selain dari Allah, maka sudah pasti permintaan-permintaan itu tidak akan berhasil. Oleh itu di dalam ayat yang lain pula Allah ada berfirman menggalakkan supaya setiap hamba-Nya yang Muslim hendaklah berdoa dan meminta barang sesuatu Menerusi-Nya: (*Wa idhā sa’alaka ‘ibadī ‘annī fa innī qarīb, ujībū da’wata al-dā’i idhā da’āni falyastajībū lī walyū’minū bī la’allahum yarshudūn*). Artinya:”Apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepada-mu wahai Muḥammad akan hal-Ku, maka sesungguhnya Aku hampir di sisi mereka, Aku sentiasa memperkenankan doa orang yang meminta manakala permintaan itu ditujukan terus kepada-Ku, mudah-mudahan mereka itu termasuk dalam golongan orang-orang yang mendapat pertunjuk.” Dan lagi firman Allah: (*Ud’ūnī astajib lakum*) artinya: “Berdoalah kepada-Ku nescaya akan Aku perkenankan permintaan kamu itu”.

Kedua-dua ayat-ayat di atas menyatakan bahawa Tuhan itu sentiasa berhampiran dengan hamba-hamba-Nya yang beriman dan taat kepada-Nya, Allah sentiasa mendengar dan melayani akan segala permintaan yang dimohon oleh hamba-hamba-Nya itu berdoalah terus kepada Allah di setiap masa dan waktu, dari mana

dan dalam bahasa apa sahaja, kerana Allah itu Maha Mendengar lagi Maha Mengasihani.

Nabi besar Sayidina Muḥammad (S.A.W) adalah semulia-mulia makhluk dan mendapat setinggi-tinggi darjat kemuliaan daripada sifat-sifat wali, keramat: khusyuk, tawaduk dan ikhlas; kesemua sifat-sifat yang tinggi mulia ini terkumpul di dalam roh dan jasad baginda itu; namun begitu baginda tersangat takut dan berasa bimbang, jika ada di antara umat-umatnya yang di belakang hari nanti yang akan memuja-muja kuburnya, yang akan menjadikan makam baginda yang mulia itu sebagai berhala yang disembah dan dipuja oleh umat-umatnya yang jahil dan bodoh.

Dengan sebab itu sebelum baginda wafat meninggalkan alam yang fana ini, baginda terlebih dahulu telah bermohon ke hadrat Allah *Subḥānahu wa Ta’ālā* agar supaya kuburnya nanti tidak akan dijadikan sebagai sebuah berhala yang disembah oleh umat-umatnya yang datang kemudian hari kelak. Sabda Rasulullah (S.A.W) bermohon kepada Tuhan: (*Allāhumma lā taj’al qabrī wathanan yu’bad, ishtadda ghaḍaba Allāhi ‘alā qawmin ittakhadhū qubūra anbiyā’ihim masājid*) Artinya: “Ya Allah, Ya Tuhanku! Janganlah kiranya Engkau jadikan kuburku sebagai sebuah berhala yang disembah oleh umat-umatku. Allah sangat murka di atas sesuatu kaum yang telah menjadikan kubur nabi-nabi mereka sebagai tempat-tempat menyembah” – inilah doa Rasulullah (S.A.W) yang diriwayatkan oleh Mālik di dalam kitab *al-Muwatta’*.

Menurut surat khabar “*al-‘Ālam*” surat khabar parti Istiqlāl Morocco bertarikh 9 March menyatakan bahawa lebih daripada 40,000 orang-orang *Ikhwān al-Muslimīn* di Mesir yang ditahan di dalam khemah-khemah tahanan oleh kerajaan Arab Bersatu. Mereka dikatakan telah ditahan pada bulan September tahun lalu.